

KOTA KINABALU, 11 MEI (BERNAMA)--DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN LAUNGAN KERAJAAN SUPAYA PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN DILIPAT-GANDAKAN AKAN TERUS MENJADI LAUNGAN SAHAJA JIKA TIDAK ADA KESUNGGUHAN DARI SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT.

KATANYA, PANDUAN KERAJAAN SEPERTI YANG TERKANDUNG DALAM DASAR EKONOMI BARU AKAN JUGA TINGGAL PANDUAN SEMATA-MATA KECUALI ADANYA KESEDARAN DI KALANGAN MEREKA YANG TERLIBAT TENTANG MASALAH YANG DIHADAPI DALAM PEMBENTUKAN NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN KINABALU INTERNATIONAL HOTEL KEPUNYAAN BUMIPUTERA DI SINI HARI INI.

HOTEL YANG MEMPUNYAI 350 BILIK SERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN MEWAH ITU DI BINA DENGAN BELANJA LEBIH \$30 JUTA, MERUPAKAN HOTEL BERTARAF ANTARABANGSA YANG TERBESAR DI SABAH DAN SARAWAK.

DR. MAHATHIR BERKATA SABAH MEMPUNYAI PUNCA-PUNCA YANG BAIK BAGI MEMAJUKAN PELANCUNGAN TETAPI KEMAJUAN DALAM BIDANG ITU BERGANTUNG KEPADA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG BOLEH DIBERI UNTUK KESENYAMANAN DAN KESERONOKKAN PARA PELANCUNG.

HOTEL SERAGAI TEMPAT PENGINAPAN YANG BERTARAF ANTARABANGSA MENJADI SATU FAKTOR PENTING UNTUK MENARIK PARA PELANCUNG DAN BELIAU YAKIN KINABALU INTERNATIONAL HOTEL AKAN MENEMUI KEHENDAK INI.
--BERSAMBUNG 1715/MD

B595

MAHATHIR-HOTEL 2 KOTA KINABALU

KATANYA, SEKTOR SWASTA MEMPUNYAI SUMBANGAN YANG PENTING DALAM BIDANG PEMBANGUNAN, TERUTAMANYA IA MESTILAH MENCETUSKAN PENGELUARAN DAN MENINGGIKAN PENDAPATAN.

SAMBIL ITU IA PULA HENDAKLAH MENJAMINKAN BAHWA STRUKTUR PEKERJAAN ADALAH SEIMBANG DAN MENCERMINKAN NISBAH BERBAGAI KETURUNAN DI NEGARA INI.

DR. MAHATHIR BERKATA SEJAK WUJUDNYA DASAR EKONOMI BARU BELIAU DAPATI ADA TANDA-TANDA YANG LEBIH POSITIF TENTANG SEKTOR SWASTA BERTINDAK PENUH KEARAH MENCAPAI KEHENDAK-KEHENDAK DASAR SOSIAL DAN EKONOMI KERAJAAN.

PENGLIBATAN DAN PENGELUARAN YANG LEBIH DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN OLEH BUMIPUTRA SEKARANG DAPAT DISAKSIKAN, MENCERMINKAN PERUBAHAN STRUKTUR SECARA BERANSUR-ANSUR DI DALAM KEGIATAN EKONOMI DI NEGERI INI.

BELIAU MENGINGATKAN SESUATU KEMAJUAN DALAM SEBUAH NEGARA ITU, TIDAK KIRA IA BERBENTUK SOSIAL ATAU EKONOMI, ADALAH DICAPAI HASIL DARIPADA USAHA SAMA KERAJAAN DAN RAKYAT. --BERSAMBUNG 1720/MD

CC

B596

MAHATHIR-HOTEL 3 KOTA KINABALU

KERAJAAN TELAH DAN SEDANG BERUSAHA DENGAN SUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENDAPATKAN SUATU RANCANGAN YANG REALISTIK DAN BOLEH DICAPAI DALAM KEADAAN DAN PUNCA-PUNCA YANG TERHAD.

DALAM HAL DEMIKIAN KERAJAAN SENTIASA MERANCANG DAN MENGADAKAN INFRASTRUKTUR ASAS DAN JUGA MEMBERI DORONGAN DAN DENGAN INI TERPULANGLAH KEPADA RAKYAT UNTUK MENJAYAKANNYA.

DR. MAHATHIR YAKIN PROJEK HOTEL TERSEBUT MERUPAKAN SATU DAYA PENGGERAK YANG PENTING BAGI MEMPERCEPATKAN PEMBANGUNAN OLEH KERANA IA MEMBERI PELUANG PEKERJAAN, MENGHASILKAN PENDAPATAN DAN MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN DAN PELANCUNGAN.

BELIAU BANGGA MENGETAHUI HOTEL TERSEBUT SERATUS-PERATUS DIKEHADALIKAN OLEH WARGANEGARA MALAYSIA DAN DARIPADA BILANGAN ITU, 75 PERATUS ADALAH BUMIPUTRA TEMPATAN.

BELIAU JUGA MEMUJI TINDAKAN HOTEL ITU MELATIH DAN MENGELOARKAN KAKITANGAN PENGURUSAN SENDIRI. --BERSAMBUNG 1727/MD

CC

B597

MAHATHIR-HOTEL 4 KOTA KINABALU

MENGENAI PEMBANGUNAN DI SABAH, DR. MAHATHIR BERKATA PERUBAHAN YANG DINAMIK SEDANG BERLAKU DI NEGERI INI.

KATANYA SABAH MEMPUNYAI PROGRAM YANG DINAMIK UNTUK PEMBANGUNAN LUARBANDAR YANG AKAN MEMBAWA PEMBENTUKAN SEMULA SOSIAL DAN EKONOMI SEKTOR ITU.

INI AMATLAH PENTING KERANA KERAJAAN NEGERI MESTILAH MENGGUNAKAN SECARA MAKSIMA SEGALA PUNCA SEMULA-JADI DAN TENAGA MANUSIA SUPAYA TARAF HIDUP YANG LEBIH TINGGI DICAPAI OLEH PENDUDUK-PENDUDUK DESA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PIMPINAN DAN INISIATIF YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN NEGERI DALAM MENGGIATKAN LAGI MINAT PELABURAN OLEH SEKTOR SWASTA DARI LUAR NEGERI AMATLAH MENGGALAKKAN.

HAKIKAT ADANYA MINAT YANG SUNGGUH-SUNGGUH DARIPADA PELABUR-PELABUR LUAR NEGERI TERHADAP NEGERI INI MENUNJUKKAN BAHWA SUASANA PELABURAN NEGERI INI MENJADI LEBIH BAIK.

SABAH ADALAH SEBUAH NEGERI YANG KAYA RAYA DENGAN PUNCA SEMULA-JADI DAN APA YANG DIKEHENDAKI JALAH PERANCANGAN DAN PENGGUNAAN YANG BAIK KEATAS PUNCA-PUNCA INI. --BERNAMA 1732/MD

MAHATHIR-HOTEL 5 KOTA KINABALU (SAMBUNGAN BERITA B597)

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH HOTEL ITU, DATUK YASSIN BIN HAJI HASHIM BERKATA HOTEL ITU MERUPAKAN SATU TANDA KECEKALAN BUMIPUTERA UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERUSAHAAN YANG MENGUNTUNGGAN NEGARA.

BELIAU MENYERU KERAJAAN-KERAJAAN PUSAT DAN NEGERI MEMBERI SEGALA KEMUDAHAN DAN GALAKAN KEPADA BUMIPUTERA YANG INGIN MENYERTAI BIDANG PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

KATANYA, HOTEL ITU DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN PELANCUNG DAN PER-SIDANGAN-PERSIDANGAN.

TERDAHULU, DR. MAHATHIR TELAH DIBERI SAMBUTAN SECARA TRADISIONAL. PENUNGGANG-PENUNGGANG KUDA, KUMPULAN-KUMPULAN KOMPANG DAN PARA BELIA MEMBAWA BUNGA MANGGAR MENGIRINGGI TIMBALAN PERDANA MENTERI MENUJU KE HOTEL ITU.

SETELAH MERASMIKAN PEMBUKAAN HOTEL ITU, DR. MAHATHIR MENYAKSI PERTUNJUKAN AIR DI KOLAM RENANG HOTEL ITU. PERTUNJUKAN KEBUDAYAAN DIJADUAL AKAN DIADAKAN MALAM INI. -- BERNAMA HM 1927